

# **BAB KEDUA**

## BAB KEDUA

### ISMĀĪL AL-FARŪQI DAN TEORI PENGISLAMAN ILMU

#### FASAL 1 : BIOGRAFI RINGKAS ISMĀĪL AL-FARŪQI

##### 1.1 KELAHIRAN (1921M – 1986M / 1339H – 1406H)

Nama sebenar beliau adalah Ismāīl al-Raj'ī al-Farūqi bin Abdul al-Huda al-Farūqi.<sup>31</sup> Penggunaan perkataan al-Farūqi di hujung namanya adalah merupakan salsilah keluarganya.<sup>32</sup>

Beliau dilahirkan pada tanggal 1 Januari 1921, bersamaan 7 Zulkaedah 1339 di perkampungan Jaffa, Palestin.<sup>33</sup> Bapanya 'Abdul al-Huda al-Farūqi adalah seorang Qadi Mahkamah Syariah dan seorang ulamak yang terkenal di Daerah Jaffa, Palestin.<sup>34</sup> Keturunan keluarganya adalah terdiri daripada golongan bangsawan yang amat disegani dan di hormati di Jaffa.<sup>35</sup>

Kenikmatan, keamanan dan kebahagiaan hidup di Palestin cuma dirasai beliau selama empat tahun sahaja. Kerana pada tahun 1924, Palestin telah jatuh

<sup>31</sup>Mohammad Shafiq (1994), *Growth Of Islamic Thought In North America : Focus on Ismāīl Raj'ī al-Farūqi*, Brentwood Maryland USA : Anama Publications, First Edition, h. 7. Lihat juga Mohammad Tāriq Quraishi (1987), *Op. Cit.*, h. 12.

<sup>32</sup>Al-Farūqi adalah gelaran nasab keluarga, yang meluas penggunaannya di Palestin. [ *Ibid* ].

<sup>33</sup>Malaysian Encyclopedia Research Center (1985) *Ensiklopedia Islam*, Kuala Lumpur : Malaysian Encyclopedia Research Center Bhd., Jilid 5, h. 155. Lihat juga Ismāīl R. al-Farūqi (1986), *The Cultural Atlas of Islam*, USA, New York : Mac Millan, h. 14. Lihat juga Ismāīl al-Farūqi (1998) *Atlas Budaya Islam; Menjelajah Khazanah Peradaban Gemilang*, (Terj.) Bandung, Indonesia : Penerbit Mizan, h. 5.

<sup>34</sup>Mohammad Shafiq (1994), *Op. Cit.*, h. 7

<sup>35</sup>*Ibid*

ke tangan penjajahan Regim Israel.<sup>36</sup> Bagi mencari perlindungan keamanan pada tahun yang sama keluarganya telah berpindah ke Lubnan.

Penghijrahan keluarga beliau ke Lubnan telah membawa lembaran baru dalam hidupnya di mana beliau mula mendapatkan pendidikan secara formal di sana. Apabila pada tahun 1948 bumi Palestin diisytiharkan menjadi milik Israel dan di tegak sebagai sebuah negara. Ismāīl al-Farūqī merasakan peluang untuk beliau kembali ke tanah tumpah darahnya agak tipis. Oleh yang demikian beliau telah mengambil keputusan berhijrah ke Amerika Syarikat disamping memenuhi cita-citanya melanjutkan pelajarannya diperingkat sarjana.<sup>37</sup>

Kelayakan akademik yang dimiliki olehnya disamping melihat peluang pekerjaan dan sumbangan dakwah, beliau telah mengambil keputusan untuk menetap di Amerika Syarikat (1948 – 1986).<sup>38</sup>

Pada tahun 1960 beliau telah bertemu jodoh dengan seorang perempuan Amerika yang lima tahun lebih muda daripadanya bernama Lois Ibsen. Iaitu anak kepada dermawan terkenal Henrik Ibsen. Dengan perkahwinan itu Lois telah memeluk agama Islam dan ditukar nama kepada Lamyā'. Hasil daripada perkahwinan tersebut, Ismāīl dan Lamyā' di anugerah dengan lima orang cahaya mata.<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup> *Ibid*

<sup>37</sup> *Ibid*, h. 8

<sup>38</sup> *Ibid*, h. 9

<sup>39</sup> *Ibid*

Kebahagiaan hidup Ismāīl dan Lamyā' sekeluarga tidak kekal lama apabila ianya diragut dengan pembunuhan beliau berdua yang sungguh kejam. Di mana dada Ismāīl al-Farūqi telah ditikam sebanyak tiga kali dan Lamyā' lima kali. Pembunuhan tersebut berlaku pada pukul 2.30 pagi, hari Rabu 28 Mei 1986 bersamaan 17 Ramadhan 1406.<sup>40</sup> Ketika mereka sekeluarga bersiap untuk menikmati juadah sahur.

## 1.2 PENDIDIKAN ( 1924 – 1952 )

Pendidikan awalnya ditumpukan dalam bidang agama. Ianya bermula ketika berusia empat tahun dengan belajar dirumah bersama ayahnya. Dalam masa yang sama beliau mendalami pengajian di Masjid berhampiran rumahnya.<sup>41</sup> Semua pengajian yang dilalui adalah secara *halaqah* tradisional.

Pada tahun 1926, ketika berusia enam tahun. Ayahnya telah menghantar belajar di French Dominican College Des Freres (St. Joseph), sebuah sekolah persendirian berbahasa pengantar Perancis yang dibiayai oleh pihak Gereja Katolik di Lubnān.<sup>42</sup> Di sekolah tersebut, beliau telah menampakkan kecerdikannya, apabila beliau fasih menguasai bahasa Arab, Perancis dan Inggeris.<sup>43</sup>

---

<sup>40</sup>Mohammad Shafik; *Op. Cit.*, h. 15

<sup>41</sup>*Ibid*

<sup>42</sup>*Ensiklopedia Islam, Op. Cit.*, h. 156

<sup>43</sup>*Ibid*



Setelah lulus dengan cemerlang, pada tahun 1936, beliau menyambung pelajaran diperingkat Universiti, di College Of Arts And Science, American Universiti Beirut. Tahun 1941 menamatkan pengajiannya dalam bidang falsafah dan dianugerah Ijazah Bachelor Of Art (BA).<sup>44</sup>

Mendapat Ijazah sarjana muda dari Tanah Arab, dirasakan belum mencukupi bagi dirinya. Oleh itu beliau berhijrah ke Amerika Syarikat dan mendaftar diri di Indiana Universiti, Bloomington. Dan berjaya memperoleh ijazah sarjana muda dari Fakulti Sastera dan Sains dalam tahun 1948.<sup>45</sup>

Setahun berikutnya (1948), beliau berjaya memperoleh ijazah sarjana (MA) dalam bidang Falsafah dari Universiti yang sama.<sup>46</sup> Mendapat ijazah sarjana yang pertama dari Universiti Indiana, masih belum puas untuknya dalam misi menimba ilmu pengetahuan. Oleh itu beliau mendaftar pula di Universiti Harvard, Amerika Syarikat. Bagi memperoleh ijazah sarjana keduanya.<sup>47</sup> Walau bagaimanapun, Universiti Harvard menerima pendaftaran beliau diperingkat Doktor Falsafah (Phd).<sup>48</sup>

Bagi tidak menghampakan permohonan beliau, pihak Universiti Harvard menganugerahkan juga Ijazah Sarjana pada Mac 1951, juga dalam bidang falsafah. Seterusnya dengan mutu kajian yang tinggi, thesisnya yang bertajuk "*Justifying the Good; Metaphysics and Epistemology of Value*" telah diangkat

---

<sup>44</sup>*Ibid*

<sup>45</sup>Mohammad Shafik (.1994 ),*Op. Cit*, h. 8

<sup>46</sup>*Ibid*

<sup>47</sup>*Ibid*

<sup>48</sup>*Ibid*

oleh pihak Universiti Harvard pada September 1952, untuk dianugerah dengan ijazah Doktor Falsafah (Phd).<sup>49</sup> Dalam tahun yang sama, thesis beliau itu telah dianugerah Ijazah Doktor Falsafah (Phd) oleh Universiti Indiana, Amerika Syarikat.<sup>50</sup>

Mendalami pengajian secara moden, dalam bidang falsafah barat di Universiti Indiana dan Harvard, Amerika Syarikat dirasakan belum cukup memuaskan hatinya. Lantaran itu kemasyhuran Universiti al-Azhar, Mesir yang masih mengekalkan cara tradisional, membuatkan hati beliau meruap untuk mendapatkan pengajian dan penyelidikan di sana.<sup>51</sup> Cita-citanya terhasil, apabila beliau diterima untuk membuat penyelidikan dan pengajian lepasan ijazah di universiti tersebut bermula pada tahun 1954 hingga tahun 1958.<sup>52</sup>

Apabila beliau kembali semula ke Amerika Syarikat, pada tahun 1959. Beliau telah mendaftar diri di Universiti Mc Gill, Montreal, Kanada bagi mendapatkan pengajian lepasan ijazah di sana khusus bagi mendalami pengajian perbandingan agama Kristian dan Judaism. Menguasai pengetahuan dalam bidang agama Kristian dan Judaism, adalah aset penting untuk beliau bergerak dan bergaul dengan masyarakat Kristian dan Judaism, di Amerika Syarikat.<sup>53</sup>

<sup>49</sup> *Ibid*

<sup>50</sup> *Ensiklopedia Islam, Op. Cit*, h. 156

<sup>51</sup> *Ibid*, h. 157

<sup>52</sup> *Ibid*

<sup>53</sup> Ismail al-Faruqi ( 1982 ), *Tawhid : Its Implications For Thought and life*, USA : The International Institute Of Islamic Thought , h. 273

### 1.3 KERJAYA ( 1942 – 1986 )

Kesempitan hidup telah menyebabkan Ismāīl al-Farūqi terpaksa membahagikan perjalanannya diantara mengejar cita-cita akademik dan pekerjaan. Umpamanya setelah beliau memperolehi ijazah sarjana muda Sastera dan Sains dari American Universiti, Beirut (1941). Beliau telah terjun ke alam pekerjaan semata-mata bagi mengumpul wang untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat sarjana.<sup>54</sup>

Pekerjaan pertama yang disandangnya, adalah menjadi pendaftar di Register Of Cooperative Societies, British Mandate Government di Jerusalem (1942). Seterusnya, dua tahun selepas itu menjadi Gabenor di Daerah Galilee, Palestin (1945 – 1948).<sup>55</sup> Kedua-dua jawatan pentadbir tersebut telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau sebagai pengalaman yang cukup berharga.

Pekerjaan yang diceburinya setelah memperolehi ijazah Doktor Falsafah (Phd) adalah mencurahkan bakti dalam bidang akademik sepenuhnya. Oleh yang demikian pada tahun 1958 beliau telah menjadi pensyarah pengajian Islam, di Universiti Mc Gill, Montreal, Kanada (1958 – 1960).<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup>Mohammad Shafik, *Op. Cit.*, h. 7

<sup>55</sup>*Ibid*

<sup>56</sup>*Ibid*, h. 9

Apabila kesarjanaan beliau telah mula dapat dihidu oleh masyarakat antarabangsa. Maka ketika negara Pakistan di bawah pemerintahan Presiden Mohammad Ayub Khan (1907 – 1969) ingin menggubal undang-undang dan pentadbiran, Ismāīl al-Farūqī telah dijemput bersama-sama Fazlūr Rahman untuk mengasaskan Institut Penyelidikan Islam Karachi, Khusus bagi tujuan penyusunan tenaga akademik dan kurikulum Institut tersebut.<sup>57</sup> Beliau telah menyumbang tenaga di Institut tersebut, bermula dari bulan November 1960 hingga Oktober 1961.

Setelah tamatnya tempoh perkhidmatan di Pakistan, beliau kembali semula ke Amerika Syarikat dan menjadi profesor kanan dalam pengajian Agama di beberapa Universiti seperti Universiti Chicago (1961 – 1963),<sup>58</sup> Universiti Syracuse (1964 – 1968).<sup>59</sup> Dan yang paling lama sekali perkhidmatannya adalah di Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat (1968 – 1986).<sup>60</sup> Beliau merupakan pengasas dalam bidang pengajian agama di Universiti tersebut. Sehingga menjadi harum di seluruh dunia, dengan ramai di kalangan pelajar dari dunia Islam menyambungkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti tersebut.

#### 1.4 SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT

##### (a) Di Amerika Syarikat

<sup>57</sup> *Ibid*, h. 13

<sup>58</sup> Ismāīl al-Farūqī (1982), *Op. Cit*, h. 273

<sup>59</sup> *Ibid*

<sup>60</sup> *Ibid*

Antara sifat terpuji yang dimiliki oleh Ismāīl al-Farūqī, adalah kegigihan beliau melibatkan diri di dalam pertubuhan kebajikan dan sukarela. Sumbangan besar yang telah diberikan oleh beliau, antaranya sebagai pengasas Persatuan Pelajar Islam Amerika Syarikat (The Muslim Students Association [MSA] 1965).<sup>61</sup> Hasil daripada penubuhan persatuan itu, kesatuan pelajar Islam di Amerika Syarikat telah dapat disatukan dan kesannya dapat dilihat sehingga ke hari ini.<sup>62</sup>

Setelah itu, beliau pernah dilantik menjadi Presiden Persatuan Sains Sosial Muslim (The Association Of Muslim Social Scientists [AMSS] 1972 – 1973).<sup>63</sup> Persatuan ini telah berjaya menyatukan graduan pengajian sains sosial terutama untuk tujuan Islamisasi ilmu pengetahuan. Melalui AMSS juga, beliau terlibat dalam mengumpul dana kewangan pendidikan bagi membantu pelajar muslim di Amerika Syarikat.

Menyedari hakikat kemunduran umat Islam adalah disebabkan oleh krisis pemikiran. Beliau mengumpul beberapa sahabatnya<sup>64</sup>, dari kalangan sarjana Islam untuk menubuhkan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (The International Institute Of Islamic Thought – IIIT), oleh itu pada 8 Oktober 1980,

---

<sup>61</sup>Mohammad Shafik, *Op. Cit.*, h. 21

<sup>62</sup>MSA telah dapat mengabungkan beberapa persatuan bawah payungnya, seperti Persatuan Pemuda Islam Arab (Muslim Arab Youth Association – MAYA) dan Kumpulan kajian Islam Malaysia (Malaysian Islamic Study Group – MISG). [*Ibid*]

<sup>63</sup>*Op. Cit.*, h. 21

<sup>64</sup>Antaranya Abdul Hamid Abu Sulayman, Taha Abdul Jabir al-Alwani dan lain-lain lagi. [*Ibid*]

beliau telah mengadakan mesyuarat Ahli Lembaga Pertama, dan diikuti mesyuarat kedua pada 7 December 1982.<sup>65</sup>

Sesungguhnya, penubuhan IIIT yang beribu pejabat di Virginia, Washington, Amerika Syarikat banyak memberi faedah kepada umat Islam di Amerika Syarikat dan di dunia keseluruhannya, terutama yang berkaitan dengan penerbitan dan pengedaran buku ilmiah dalam aspek pemikiran dan Islamisasi ilmu sehingga ke hari ini.

Melalui usaha beliau menerusi IIIT juga maka telah tertubuhnya Kolej Islam Amerika (The American Islamic College – AIC) di Chicago, Amerika Syarikat (1983). Di mana kolej tersebut telah dijadikan model untuk diterapkan ideanya di dalam proses Islamisasi Ilmu.<sup>66</sup>

Usaha menyebarkan risalah Allah SWT di bumi Amerika Syarikat, terutama di Amerika Utara telah diambil kesempatan oleh beliau dengan bergiat di dalam aktiviti dakwah yang telah disusun oleh Persatuan Masyarakat Islam Amerika Utara (The Islamic Society Of North America – ISNA). Pertubuhan ISNA ini mantap dalam menyebarkan dakwah Islam di Amerika Syarikat sehingga ke hari ini.<sup>67</sup>

#### **(b) Sumbangan Kepada Masyarakat Islam Antarabangsa**

---

<sup>65</sup> Mohammad Shafik , *Ibid*, h. 28

<sup>66</sup> *Ibid*, h. 30

<sup>67</sup> *Ibid*

Sesungguhnya keserjanaan yang dimiliki oleh Ismāīl al-Faruqī, telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Sebagai buktinya dengan kepercayaan penganjur seminar antarabangsa memberi kehormatan untuk membentangkan kertas kerja, umpamanya di persidangan pendidikan Islam pertama yang diadakan di Mekah, Arab Saudi (1977),<sup>68</sup> Persidangan kedua di Islamabad Pakistan (1981)<sup>69</sup> di mana beliau telah membentangkan kertas kerjanya “*Islamization Of Knowledge : General Principles And Work Plan*“, sementara Persidangan ketiga di Jakarta, Indonesia (1982).<sup>70</sup>

Hubungannya dalam bidang akademik dengan Institusi pendidikan dunia adalah terlalu rapat sekali, terutama dalam memberikan buah fikiran, khidmat nasihat serta sebagai pemeriksa luar di Universiti-Universiti dunia seperti Universiti Of Libya, Jāmi’ah Milliyah Islāmiyah (India), Universiti Of Durban, Westville (Afrika Selatan), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Imām Ibnu Saūd (Arab Saudi), Universiti Iskandariah (Mesir), Universiti Of Jordan, Universiti Of Qatar, Universiti Islam Qum (Iran), Universiti Mindanao State (Filipina), Universiti Islam Umm Darman (Sudan), Universiti Yarmūk (Jordan), Universiti Of Karachi (Pakistan) dan lain-lain lagi.<sup>71</sup>

### **(c) Hubungan dan sumbangan Ismāīl al-Faruqī kepada masyarakat Islam di Malaysia**

---

<sup>68</sup>Dr. Ghulam Nabi Sageb( 1998 ), “A Reflection On Two Decades Of Islamization Of Education Since The 1977 Makkah World Conference : Accomplishments,Failures And Tasks Ahead Into The 21 st Century”, (Kertas kerja National Seminar Islamization of Education,Universiti Islam Antarabangsa) , h. 3

<sup>69</sup>*Ibid* , h. 4

<sup>70</sup>*Ibid*

<sup>71</sup>*Ibid*, h. 31

Sesungguhnya hubungan Ismā'īl al-Farūqī dengan masyarakat Islam di Malaysia adalah begitu rapat sekali, samada kepada ahli akademik mahupun ahli politik dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan.

Hubungannya dengan para sarjana di Malaysia telah bermula pada pertengahan tahun 60-an lagi apabila ketika itu al-Farūqī sentiasa berutus maklumat dan bertukar fikiran dengan Profesor Mohammad Naquib al-Attās yang ketika itu menjadi pengarah Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu (IBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).<sup>72</sup>

Hubungan akademik diantara kedua tokoh tersebut dieratkan lagi dengan kunjungan al-Farūqī yang pertama ke Malaysia pada tahun 1974 apabila beliau telah dijemput oleh Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Anwar Ibrahim bagi menyampaikan pidato sempena Mukhtar Senawi ABIM ke-4.<sup>73</sup>

Melalui gerakan ABIMlah, maka segala gagasan besar yang diilhamkan oleh al-Farūqī seperti proses Islamisasi telah dipopularkan di Malaysia, melalui bengkel, simposium dan seminar yang diadakan.<sup>74</sup> Bukan itu sahaja, malah al-

---

<sup>72</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud (1998), *The Educational Philosophy And Practice Of Syed Mohammad Naquib al-Attās; An Exposition Of The Original Concept Of Islamization*, Kuala Lumpur : International Institute Of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), h. 380.

<sup>73</sup>*Ibid*

<sup>74</sup>Buku Cenderamata memperingati Ulang Tahun ABIM ke-25 (2000), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 11-15



Farūqi telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja di dalam program yang dianjurkan oleh ABIM.

Kemuncak kepada hubungan al-Farūqi dengan masyarakat Islam di Malaysia, ialah kehadiran beliau ke Malaysia dari 11 – 14 Januari 1981. Dimana kunjungannya telah mendapat perhatian daripada kerajaan, terutama bagi pihak Dr. Mahathir bin Mohammad (Perdana Menteri Malaysia).

Dalam lawatan al-Farūqi itu, Anwar Ibrahim selaku Presiden ABIM telah menghantar surat dengan tangan di Hotel Hilton tempat penginapan al-Farūqi<sup>75</sup>, menceritakan mengenai latar belakang pergerakan ABIM serta hubungannya dengan kegiatan politik dan kerajaan Malaysia .

Sekembalinya al-Farūqi ke Amerika Syarikat, beliau telah membalas surat tersebut,<sup>76</sup> dan memberikan pandangannya mengenai isi surat tersebut dan hasil pemerhatiannya dalam lawatannya ke Malaysia. Antara saranan yang diberikan oleh al-Farūqi adalah perlunya ABIM membantu menasihati kerajaan dari luar atau kalau perlu memasuki jentera kerajaan dengan menyertai parti politik kerajaan yang memerintah.

Penyertaan ini amat perlu, terutama dalam merialisasikan penerapan nilai-nilai Islam dalam jentera pentadbiran kerajaan. Oleh itu Dr. Mahathir bin

---

<sup>75</sup>Surat tersebut bertarikh 12 Januari 1981, telah dihantar oleh Anwar Ibrahim kepada al-Farūqi ketika al-Farūqi menginap di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Kandungan dalam [http://members.tripod.com/~Surat lama/anwar 20/5/1998](http://members.tripod.com/~Surat%20lama/anwar%205/1998).

<sup>76</sup>Surat tersebut bertarikh 26 Januari 1981, dihantar oleh al-Farūqi dari Amerika Syarikat. Kandungan dalam [http://members.tripod.com/~Surat lama/Farūqi 20/5/1998](http://members.tripod.com/~Surat%20lama/Farūqi%205/1998).

bersama IIIT, Washington dan Kerajaan Malaysia, berlangsung dari 23 – 31 Julai 1984, di Kuala Lumpur.<sup>79</sup>

Al-Farūqi telah diberikan penghormatan dalam seminar tersebut untuk menyampaikan syarahan perdana, di mana majlis perasmianya telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir bin Mohammad. Dalam seminar seminggu itu juga, al-Farūqi telah membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk “ *Toward A Critical World Theology* “.

Kunjungan al-Farūqi pada Julai 1984 ke Malaysia, adalah merupakan kunjungan terakhir beliau. Walaupun begitu, perhubungan *ukhuwwah* beliau dengan masyarakat Islam di Malaysia sentiasa terpacat dihatinya. Beliau telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah model negara Islam pascamoden, terutamanya dalam sudut pelaksanaan program-program Islam seperti penubuhan Universiti Islam antarabangsa (1982), Bank Islam Malaysia (1982) serta penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan (1984).

Dalam kunjungan al-Farūqi itu juga, beliau sempat melakukan lawatan ke Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam lawatan itu beliau telah melontarkan pandangan supaya mewajibkan Pengajian Tamadun Islam diajar di semua Universiti-Universiti Awam di Malaysia. Hasil daripada idea itu maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran

---

<sup>79</sup>Buku Cenderamata, Sempena Seminar 26-31 July 1984 (1984), Anjuran IIIT dan Kerajaan Malaysia.

Tamadun Islam dan Tamadun Asia Tenggara (TITAS) di semua Universiti. Dan mata pelajaran tersebut kekal sehingga ke hari ini.<sup>80</sup>

Bagi memperingati pengorbanan al-Faruqi itu, pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menganjurkan anugerah tahunan yang dinamakan "*Ismāil al-Faruqi Award For Academic Excellence*" kepada mereka-mereka yang banyak menghasilkan karya-karya ilmiah yang bermutu, semenjak tahun 1999. Ini semua semata-mata bagi memperingati jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh al-Faruqi di dalam reformasi ilmu pengetahuan<sup>81</sup>.

Bukan itu sahaja, peranan al-Faruqi sebagai ketua pengajian Agama di Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat telah diambil kesempatan olehnya mendidik anak-anak Malaysia mendapatkan ijazah lanjutan di Universiti tersebut.<sup>82</sup>

## 1.5 HASIL KARYANYA

Ketokohan akademik al-Faruqi dapat dilihat daripada hasil karya yang dihasilkannya. Hasil karyanya adalah terlalu banyak yang meliputi buku, artikel dan kertas kerja ilmiah, yang biasa dimuatkan dalam jurnal-jurnal

---

<sup>80</sup>Tajul Ariffin Noordin ( 1990 ), *Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 191-220

<sup>81</sup>Laman Web <http://WWW.iui.edu.my/rescentre/award/Lamya/htm.2 / 11/ 1999>.

<sup>82</sup>Antara anak didiknya di Malaysia ialah Dr. Mohd Nor bin Manuthy, Prof. Dr. Salleh bin Yaapar, Dr. Fatimah binti Ali , Dr. Faisal Othman, Prof. Dr. Osman Bakar, Hj. Ahmad Mohd Said dan lain-lain lagi. [ Wawancara penulis dengan Dr. Sidek Baba pada 7 September 2001].

antarabangsa. Isu yang selalu diketengahkan oleh al-Farūqi meliputi berbagai variasi seperti kajian sosial, pemikiran, pendidikan, aqidah, perbandingan agama, tamadun, kebudayaan dan kajian bahasa. Oleh kerana al-Farūqi dapat menguasai dwi bahasa, maka rata-rata hasil penulisanannya dicoretkan dalam Bahasa Arab dan Inggeris. Antara hasil karyanya adalah seperti berikut :-

#### 1.5.1 : **Buku**

##### 1.5.1.1: **Hasil karya berkaitan dengan pemikiran dan kajian sosial**

1.5.1.1.1 *From Here We Start (1953)*

1.5.1.1.2 *Our Beginning In Wisdom (1953)*

1.5.1.1.3 *The Policy Of Tomorrow (1953)*

1.5.1.1.4 *Sources Of Islamic Thought: Three Epistle On Tawhid by  
Muhammad Ibn 'Abd al-Wahab (1980)*

1.5.1.1.5 *Sources of Islamic Thought: Kitab al-Tawhid (1980)*

1.5.1.1.6 *Islam And The Problem Of Israel (1980)*

1.5.1.1.7 *Social and Natural Sciences (1981)*

1.5.1.1.8 *Triologue Of The Abrahamic Faith (1982)*

1.5.1.1.9 *Islamization Of Knowledge : The general Principles And The  
Work (1982)*

1.5.1.1.10 *Training Program For Islamic Faith (t.t)*

1.5.1.1.11 *The Life Of Muhammad Ibn Abdul Wahab ( t.t )*

##### 1.5.1.2: **Karya Aqidah dan Perbandingan Agama**

- 1.5.1.2.1. *'Urubah And Religion : An Analysis Of The Dominant Ideas Of Arabism And Of Islam As Its Heights Moment Of Conciousness (1962)*
- 1.5.1.2.2. *Usūl al-Sahyūniyah Fi al-Dīn al-Yahūdī (1964)*
- 1.5.1.2.3. *Christian Ethics (1968)*
- 1.5.1.2.4. *Al-Milāl al-Mu'asirah Fi al-Din al-Yahūdī (1968)*
- 1.5.1.2.5. *The Great Asian Religions (1969)*
- 1.5.1.2.6. *Essays In Islamic And Comparative Studies (1982)*
- 1.5.1.2.7. *Tawhid : Its Implications For Thought And Life (1982)*
- 1.5.1.2.8. *An Anthology Of Reading On Tawhid (t.t)*

### 1.5.1.3 : Karya Kebudayaan dan Sejarah Islam

- 1.5.1.3.1. *Historical Atlas Of The Religions Of The Word (1975)*
- 1.5.1.3.2. *The life Of Muhammad (1976)*
- 1.5.1.3.3. *Islam (1985)*
- 1.5.1.3.4. *Islam And Culture (1980)*
- 1.5.1.3.5. *Islamic Thought And Culture (1982)*
- 1.5.1.3.6. *The Cultural Atlas Of Islam (1986)*

### 1.5.2 : Artikel

#### 1.5.2.1: Artikel Yang Berkaitan Dengan Pemikiran dan Kajian Sosial

- 1.5.2.1.1. *On The Ethics Of The Brethren Of Purity And Friends Of Fedelity (Ikhwān al-safa Wa Khillan al-Wafa)* ( t.t )
- 1.5.2.1.2. *"On The Significance Of Reinhold Niebuhr's Ideas Of Society"* (1964)
- 1.5.2.1.3. *"Towards A New Methodology Qur'anic Exegesis"* (1964)
- 1.5.2.1.4. *"On The Raison D'etre Of The Ummah "* ( t.t )
- 1.5.2.1.5. *"Nazariyat Islami Dawlat"* (1960)
- 1.5.2.1.6. *"Pakistan And Islamic Imperative "* ( 1966 )
- 1.5.2.1.7. *"The Self In Mu'tazilah Thought"* ( 1966 )
- 1.5.2.1.8. *"Science And Traditional Values In Islamic Society "*( 1967 )
- 1.5.2.1.9. *"The Problem Of The Metaphysical Status Of Values In The Western And Islamic Traditions "* ( 1968 )
- 1.5.2.1.10. *"The Ideal Social Order In The Arab World "*( 1969 )
- 1.5.2.1.11. *"Forward: Six Basic Economic Principles In Islam"* ( 1968 )
- 1.5.2.1.12. *"The Challenge Of Western Ideas For Islam "*( 1969 )
- 1.5.2.1.13. *"Introduction, " Proceedings Of The Third National Seminar Of The Association Of Muslim Social Scientist"*( 1974 )
- 1.5.2.1.14. *"Internal Dynamics Of the Muslim Community "*( 1975 )
- 1.5.2.1.15. *"Al-Muslimūn Fi America "* ( 1976 )
- 1.5.2.1.16. *"Adapting The Qur'an , " Impact International"*(1977)
- 1.5.2.1.17. *"Moral Values In Madicine And Science "* ( 1977 )
- 1.5.2.1.18. *"Al-Ijtihād Wa al-Ijma'ka Tarafy al-Dinamikiyah Fi al-Islam"* (1977)
- 1.5.2.1.19. *"Islam And The Social Sciences "*( 1977 )
- 1.5.2.1.20. *"Ab'ād al-'Ibadat̄ Fi al-Islām"*( 1977 )

- 1.5.2.1.21. *"Central Asia Report : Muslims Survive" ( 1977 )*
- 1.5.2.1.22. *"Islam An Architecture" ( 1978 )*
- 1.5.2.1.23. *"Our Moral Dilemma" (1978 )*
- 1.5.2.1.24. *"Nahmu Wa al-Gharb" (1977)*
- 1.5.2.1.25. *"On The Metaphysics Of Ethics In Islam" ( 1979 )*
- 1.5.2.1.26. *"Is The Muslim Definable In Terms Of His Economic Pursuits?" (1979)*
- 1.5.2.1.27. *"Islamic Renaissance In Contemporary Society" ( 1978 )*
- 1.5.2.1.28. *"Al-Mar'ah al-Muslimah" ( 1979 )*
- 1.5.2.1.29. *"Islamizing The Social Sciences " ( 1979 )*
- 1.5.2.1.30. *"Islam And Tehran Hostages " ( 1979 )*
- 1.5.2.1.31. *"Rights Of Non-Muslims Under Islam : Social And Culture Aspects " (1979 )*
- 1.5.2.1.32. *"Controversy Over The Moon" ( 1980 )*
- 1.5.2.1.33. *"Siyaghah al'Ulūm al-Ijtima'iyah Siyaghah Islāmiyah" (1979 )*
- 1.5.2.1.34. *"Stream Of Ideas Flows Into Social Sciences" ( 1980 )*
- 1.5.2.1.35. *"Humanitarian And Egalitarian Aspects Of Islamic Law" ( 1980 )*
- 1.5.2.1.36. *"Islamic Ideals In North America " ( 1980 )*
- 1.5.2.1.37. *"The Living Reality Of Faith" ( 1980 )*
- 1.5.2.1.38. *"Islam And Labour " ( 1980 )*
- 1.5.2.1.39. *"Can A Muslim Be Rich ?," ( 1980 )*
- 1.5.2.1.40. *"Huqūq Ghayr al-Muslimīn Fi al-Dawlah al-Islāmiyah" ( 1981 )*

- 1.5.2.1.41. "*Jawhar al-Hadārah al-Islāmiyah*" (1981)
- 1.5.2.1.42. "*Intention And Works In Islam*" (1976)
- 1.5.2.1.43. "*Al-Ab'ād al-Ruhiyah, Wa al-Siyāsīyah, Wa al-Iqtisādīyah, Wa al-Ijtīmī'ah li al-'Ibadāt, Wa Ahamiyatuha Li Kullin Min al-Ummah Wa al-Fard*" (1976)
- 1.5.2.1.44. "*On The Nature Of Islamic Da'wah*" (1981)
- 1.5.2.1.45. "*Freedom Of Non Muslims In A Islamic State*" (1982)
- 1.5.2.1.46. "*Islamic "fundamentalism" And The U.S.A*" (1982)
- 1.5.2.1.47. "*Aslimah al-Ma'rifah, al-Muslim al-Mua'sir*" (1982)
- 1.5.2.1.48. "*Islam and The Theory Of Nature*" (1982)
- 1.5.2.1.49. "*Islamic Message And Islamic Vision : A Challenge For Muslims In America*" (1983)

#### 1.5.2.2: Artikel Aqidah dan Perbandingan Agama

- 1.5.2.2.1. "*A Comparison Of The Islamic And Christian Approaches To Hebrew Scripture*" (1.1)
- 1.5.2.2.2. "*Muhadarāt Fi Tarikh al-Adyan*" (1963)
- 1.5.2.2.3. "*History Of Religious : Its Nature And Significance For Christian Education And The Muslim-Christian Dialogue*" (1.1)
- 1.5.2.2.4. "*Islam And Christianity : Prospects For Dialogue*" (1968)
- 1.5.2.2.5. "*Islam And Christianity: Diatribe Or Dialogue*" (1968)
- 1.5.2.2.6. "*Islam And Christianity : Problems And Perspectives*" (1968)
- 1.5.2.2.7. "*Al-Asas al-Mushtarāk Bayna al-Islām Wa al-Masihīyah*" (1976)



1.5.2.2.8. "*The Muslim – Christian Dialogue : A Constructionist View* "  
(1977)

### 1.5.2.3: Artikel Kebudayaan Dan Sejarah Islam

1.5.2.3.1. "*Towards a Historiography Of Pre-Hijrah Islam* " ( t.1)

1.5.2.3.2. "*Misconceptions Of the Nature Of The Work Of Art In Islam* "  
(1970)

1.5.2.3.3. "*On the Nature Of The Work Of Art In Islam* " (1970)

1.5.2.3.4. "*Islam And Art* " (1973)

1.5.2.3.5. "*Islam As Culture And Civilization* "(1982)

1.5.2.3.6. "*Al-Islām Wa Fānn al- 'Amārah: Al-Muslim al-Mu'asir*"(1983)

## FASAL 2 : TEORI PENGISLAMAN ILMU : PERSPEKTIF SEJARAH

Sesungguhnya gagasan Pengislaman Ilmu sudah pun diperkenalkan oleh para sarjana sebelum al-Farūqi lagi. Cuma usaha yang dilakukan ke arah itu tidak di"label"kan kepada suatu nama khusus seperti penggunaan perkataan khusus Pengislaman Ilmu, Islamisasi Ilmu, "*Islamization Of Knowledge* " atau "*Islamiyah al-Ma'rifah* " .

Umpamanya usaha seperti ini pernah dilakukan oleh al-Kindi (185/260H – 801/873m ). Dengan mengharmonikan antara falsafah dengan agama. Usaha ini dapat dilihat apabila beliau mendefinisikan Falsafah sebagai " pengetahuan tentang hakikat benda ". Pengetahuan tentang hakikat benda-

benda itu merangkumi bidang Teologi, Ilmu Tauhid, Etika dan semua jenis ilmu yang berguna. Tujuan Falsafah baginya adalah untuk mencari kebenaran dan kebenaran adalah dituntut oleh Nabi untuk dicari. Bagaimanapun, al-Kindi menekankan betapa perlunya kebenaran yang diambil dari sumber asing tersebut ditambah dengan norma, bahasa dan zaman umat Islam sendiri dengan ertikata mudah “ mengislamisasikan “ ilmu-ilmu asing tersebut.<sup>83</sup>

Sementara itu al-Farābī (258/870H – 339/950M), telah menyepadukan ilmu secara menguasai ilmu-ilmu tradisional Islam dan menguasai ilmu logik dari Greek, Parsi dan sebagainya. Dengan penguasaan kedua-dua disiplin ilmu tersebut, beliau telah membuat penyesuaian dan mengharmonikan antara falsafah dan agama<sup>84</sup>.

Sarjana besar Islam Muhammad @ Abdul Hamid al-Ghazāli (450/1058H – 505/1111M) pula mengenengahkan konsep Pengislaman Ilmu dengan metod mengklasifikasikan ilmu untuk tujuan persepadaan ilmu kepada Syariah iaitu yang berkaitan dengan ilmu asal seperti al-Quran, al-Hadith, al-Tarikh, Feqah dan Ilmu Bahasa. Sementara yang keduanya Ilmu Aqliyah iaitu ilmu yang berkaitan dengan Perubatan, Metamatik, Astrologi, Teknik dan lain-lain lagi. Dan kedua-dua pengkelasan itu dilihat oleh Imam al-Ghazāli, perlu

---

<sup>83</sup>Osman Bakar ( 1992 ),*Al-Farābī : Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 16-40.

<sup>84</sup>Abdul Halim Ramli ( 1999 ), “*Pengislaman Ilmu : Satu Perspektif*”, Kandungan dalam *Jurnal Fikrah*, Unit Pendidikan Islam, Pusat Pendidikan Persediaan, UITEM, Shah Alam, Jilid 2, h. 208.

dipelajari oleh setiap individu kerana ianya berkaitan dengan hukum Fardu Ain dan Fardu Kifayah<sup>85</sup>.

Ibnu Khaldūn ( 782/808H – 1332/1406M ) juga tidak ketinggalan di dalam membahaskan Pengislaman Ilmu dari sudut kesepaduan ilmu, dengan mengenengahkan klasifikasi ilmunya. Dalam kitabnya yang cukup terkenal “*al-Muqaddimah*“, beliau telah mengklasifikasikan di antara ilmu tradisional yang dipanggilnya sebagai “*al-'Ulūm al-Naqliyah*“ dan ilmu moden dikenalnya sebagai “*al-'Ulūm al-Aqliyah*“. Ilmu tradisional yang dimaksudkan oleh Ibnu Khaldūn ialah al-Quran, al-Hadith, Ilmu Bahasa dan sebagainya. Sementara ilmu moden ialah Ilmu Pertanian, Astronomi, Metamatik dan lain-lain lagi.<sup>86</sup>

Sarjana barat juga tidak kurang di dalam membincangkan penerimaan ilmu asing dari Islam untuk diterjemahkan dalam bahasa Inggeris, dan disepadukan dengan ilmu-ilmu barat. Richard Wialze (1868M – 1928M) umpamanya menggunakan istilah yang hampir sama dengan Islamisasi ilmu, iaitu dengan menggunakan istilah “*Productive Assimilation*“, De Boer (1660M – 1731M) menggunakan istilah “*Assimilation*”<sup>87</sup> dan Franz Rosenthal menggunakan istilah “*Adoption*“ dan “*Borrowing*“ terhadap penerimaan ilmu klasik muslim terhadap warisan asing.<sup>88</sup>

---

<sup>85</sup> Mohammad @ 'Abdul Hamid al-Ghazali ( 1989 ), *Ihya Ulūmuddin: Kitab al-Ilmi*, Mansurah, Mesir : Dar al-Ma'arif, h. 78-165.

<sup>86</sup> Abd al-Rahman Ibnu Muhammad Ibnu Muhammad Khaldūn ( t.t ), *al-Muqaddimah*, Mesir : Matba'ah al-Bahiyah, Juzuk 1, h. 453-837.

<sup>87</sup> Abdul Halim Ramli ( 1999 ), *Op. Cit*, h. 207

<sup>88</sup> Franz Rosenthal (1997), *Op. Cit*, h. 4-5.

## 2.1: Pengislaman Ilmu : Perspektif Mutakhir

Gagasan Pengislaman Ilmu terus menerus dibahaskan sehinggalah dikalangan para sarjana pascamoden. Diantara sarjana dan pemikir Islam pertama yang melahirkan buah fikiran Pengislaman Ilmu ialah Mohammad Iqbal (1877 M – 1938 M) apabila beliau mengajak para sarjana Islam untuk mengislamkan ilmu setelah dilihatnya betapa rapuhnya tamadun ilmu barat yang tidak mengambil kira keseimbangan diantara ilmu dan agama, katanya:-

*“Ilmu (barat) ini membuahkan kekuatan fizikal yang harus ditundukkan kepada Deen ( Agama Islam ) . Jika ia tidak ditundukkan kepada Deen, maka ia bersifat Syaitan , jelas dari senang..... kewajipan Umat Islam ialah mengislamkan ilmu “ .<sup>89</sup>*

Walau bagaimanapun Muhammad Iqbal tidak menjelaskan secara terperinci definisi Pengislaman Ilmu yang digarapkannya serta bagaimana caranya teori tersebut dapat dilaksanakan .<sup>90</sup>

Sebagai menyahut saranan Muhammad Iqbal itu maka gagasan Pengislaman Ilmu ini telah diperjelaskan lagi oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas. Lantaran itu bolehlah dikatakan bahawa Profesor Naquib al-Attas lah yang telah mencetuskan gagasan Pengislaman Ilmu ini dengan lebih lengkap di zaman mutakhir pasca moden ini. Ini kerana sejak tahun 1970 lagi

<sup>89</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud ( 1997 ) , *Penjelasan Budaya Ilmu* ,Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , h. 94 . Lihat juga Sheikh Muhammad Asyraf ( 1942 ) , *Iqbal's Educational Philosophy* , Lahore, Pakistan : K.G. Saiyidain , h. 99 . Lihat juga Mohd Kamal Hassan ( 1982 ) , “*Contemporary Islamic Educational Thought*” , (Kertas Kerja Nasional Seminar On Islamic Education , Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) , h. 1-2

<sup>90</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud ( 1999 ) , *Ibid* , h. 95

beliau telah melemparkan idea Pengislaman Ilmu ini melalui rencana ilmiah Pengajian Bahasa Dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam muqaddimah yang berjudul “*Konsep baru mengenai rencana cara gaya penelitian ilmiah Pengkajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia*” itu, al-Attās telah mendefinisikan konsep-konsep pokok pendidikan Islam dan merumuskan falsafah, matlamat dan strategi pelaksanaan pendidikan Islam bercirikan Pengislaman Ilmu.<sup>91</sup>

Definisi ini seterusnya dimantapkan menjadi kertas kerja yang dibentangkan oleh beliau di Persidangan Pertama Sedunia mengenai Pendidikan Islam di Makkah al-Mukarramah, Arab Saudi pada tahun 1977.<sup>92</sup> Dalam kertas kerja tersebut, Profesor Mohammad Naquib al-Attās telah mendefinisikan Islamisasi Ilmu sebagai “pembebasan manusia”. Pertama daripada tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu (pembebasan) akal dan bahasa daripada pengaruh “sekularisme”.<sup>93</sup>

Saranan dan definisi gagasan Pengislaman ilmu yang diberikan oleh Profesor Mohammad Naquib al-Attās itu telah membuka mata para cendekiawan dan sarjana Islam dunia yang hadir dalam persidangan itu. Sebagai rentetan daripada saranan Profesor Naquib itu, maka para sarjana yang begitu berminat dengan gagasan tersebut telah menghubungi Profesor Naquib, dan

<sup>91</sup> Syed Mohammad Naquib al-Attās ( 1972 ), *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 54.

<sup>92</sup> Awang Sariyan ( ,1992 ), “*Falsafah Pendidikan Bahasa : Kajian Tentang Konsep dan Perlaksanaannya di Malaysia dengan Rujukan Khusus kepada Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*” (Thesis Doktor Falsafah (Phd), Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 22. Lihat juga Wan Mohd Nor Wan Daud (1999), *Op.Cit*, h. 7

<sup>93</sup> *Ibid*

diantara sarjana tersebut adalah Profesor Syed Hossein Nasr , Profesor Fazlur Rahman dan Profesor Ismāīl al-Farūqī .<sup>94</sup>

## 2.2 : Pengislaman Ilmu : Perspektif Profesor Ismāīl al-Farūqī

Seperti yang telah dijelaskan, hubungan diantara Profesor al-Farūqī dengan Profesor Mohammad Naquib al-Attās terutama dalam sudut wacana akademik telah bermula semenjak tahun 1960-an lagi. Persamaan pemikiran diantara mereka berdua diketemukan dengan gagasan Pengislaman Ilmu di mana kedua-duanya bersetuju bahawa krisis yang melanda umat Islam adalah berpunca dari krisis pemikiran dan ketidak pekaan terhadap epistemologi ilmu .<sup>95</sup>

Cuma yang berbeza diantara kedua-duanya adalah dalam sudut metodologi. Profesor Mohammad Naquib al-Attās umpamanya melihat pelaksanaan Pengislaman Ilmu terhasil dengan metod menapis, mengasing dan membersihkan sebarang unsur negatif dari ilmu moden barat lalu dibawa kepada Pengislaman Ilmu sepenuhnya.<sup>96</sup>

Sementara Profesor al-Farūqī berpendapat sebaliknya iaitu dengan cara menyepadukan antara ilmu tradisional dan ilmu moden lalu disusun semula

---

<sup>94</sup>Wan Mohd Nor Wan Daud ( 1999 ) , *Ibid* , h. 99 – 101

<sup>95</sup>Dr. 'Abdul Ḥamid Ḥabu Sulayman ( 1994 ) , *Crisis In The Muslim Mind*, USA: International Institute Of Islamic Thought (IIIT) h. 44-98

<sup>96</sup>Imron Rossidy ( 2000 ) , "Islamization Of Knowledge : A Comparative Analysis Of The Conceptions Of Al-Attās And Al-Farūqī", *A Jurnal Of The Kulliyah ( Faculty ) Of Islamic Revealed knowledge and Human Sciences* , Volume 8 , Number 1 , h. 19 - 44

sebagai monograf. Tercetaknya monograf itu sebagai edisi pertama pada hujung tahun 1982 dan ditokok tambah isinya pada cetakan edisi ke-dua 1989.<sup>99</sup>

2.3 : **Ulasan Teks Monograf al-Farūqī : *Islamization Of Knowledge : General Principles and Work Plan* (Islamisasi Ilmu : Prinsip Umum dan Rangka Kerja)**

Secara umumnya, teks monograf yang pada asalnya kertas kerja al-Farūqī yang dibentangkan di Islamabad itu merangkumi tujuh tajuk besar yang diperbahaskan iaitu :-

2.3.1: Huraian mengenai permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam

2.3.2 : Tugas yang perlu dipikul oleh umat Islam

2.3.3: Kritikan al-Farūqī terhadap kaedah tradisional

2.3.4: Prinsip asas kaedah penyelesaiannya menurut persepektif Islam

2.3.5: Perancangan kerja yang perlu dilakukan

2.3.6: Agenda yang telah dilakukan oleh Institut (IIIT)

2.3.7:Penjelasan penting mengenai gagasan Pengislaman Ilmu.<sup>100</sup>

**(a)Huraian mengenai permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam**

Al-Farūqī menyifatkan permasalahan yang sedang dihadapi oleh Umat Islam dewasa ini adalah dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi, kebudayaan

---

<sup>99</sup> *Ibid*, h. 7

<sup>100</sup> Ismail al-Farūqī ( 1989 ), *Op. Cit* ,h. 1-4

dan agama.<sup>101</sup>Kelemahan dalam faktor-faktor tersebut telah disifatkan oleh al-Farūqi sebagai penyakit yang perlu dicari penawarnya. Dalam mengenengahkan penyakit itu al-Farūqi telah menggunakan istilah “*Malaise*” .<sup>102</sup>

Dalam sudut politik umpamanya, al-Farūqi melihat bahawa perpecahan dikalangan Umat Islam sebagai punca penyakit (*Malaise*) yang mengakibatkan selepas itu mengundang campur tangan penjajah dan kuasa asing di negara-negara Umat Islam. Impak daripada penjajahan tersebut maka telah runtuh martabat jati diri umat serta struktur pentadbiran politik negara Umat Islam yang dijajah.<sup>103</sup> Dalam ertikata lain semuanya merujuk kepada telunjuk penjajah .

Begitu juga dalam sudut ekonomi di mana negara-negara Umat Islam amat bergantung dengan ekonomi bukan Islam terutama kepada penjajah yang rata-ratanya dari negara-negara blok barat. Meskipun kebanyakan negara Umat Islam kaya dengan hasil mahsul bumi tetapi oleh kerana kekurangan ilmu dan kemahiran segala hasil mahsul tersebut terpaksa diserahkan kepada kuasa asing yang punya ilmu dan kemahiran untuk memperoleohnya.<sup>104</sup>

Dari sudut kebudayaan dan agama pula al-Farūqi melihat penyakit (*Malaise*) yang melanda Umat Islam adalah disebabkan tindakan acuh tidak acuh serta kurang keyakinan kepada mengamalkan kebudayaan Islam dan

<sup>101</sup> *Ibid*

<sup>102a</sup> *Malaise* “ dalam perkataan bahasa Inggeris merujuk kepada rasa tidak sedap badan , dedar , dan rasa tidak senang [ Kamus Dewan, *Op. Cit*, h. 849 ].

<sup>103</sup> Ismāil al-Farūqi ( 1989 ) , *Op. Cit* , h. 2

<sup>104</sup> *Ibid* , h. 3



seruan agama terutama melalui gesaan al-Quran dan al-Hadith <sup>105</sup>. Akibat daripada kealpaan itu musuh Islam telah menyuntik racun yang akhirnya mengakibatkan berlakunya krisis keyakinan kepada sumber agama Islam yang agung itu .

Bagi al-Farūqi segala penyakit (*Malaise*) yang melanda umat ini tidak lain dan tidak bukan adalah berpunca dari sistem pendidikan yang dilihat oleh al-Farūqi sebagai tidak menjurus kepada menjana umat untuk meneroka kemodenan Sains dan Teknologi. Dan kelemahan yang ketara dalam pendidikan ini , adalah disebabkan Umat Islam diselimuti sikap konservatif yang tidak mahu menerima sebarang pembaharuan. Berbanding dengan sistem pendidikan barat.<sup>106</sup>

Akibat daripada sikap konservatif ini maka ianya telah melahirkan suatu generasi umat yang ketandusan visi dan idea di dalam membangunkan masyarakat dan negara, mengikut neraca dan acuan Islam .<sup>107</sup>

#### **(b) Tugas yang perlu dipikul oleh umat Islam**

Menyedari hakikat umat yang dilanda berbagai penyakit (*Malaise*) itu maka al-Farūqi telah menggariskan gesaan supaya umat Islam menyelesaikan dan memperbaiki sistem pendidikan. Sistem pendidikan lama yang bersifat

---

<sup>105</sup> *Ibid*, h. 4

<sup>106</sup> *Ibid*, h. 7-8

<sup>107</sup> *Ibid*

konservatif perlulah direformasikan mengikut peredaran pemodenan semasa<sup>108</sup>. Reformasi yang ingin dilakukan mestilah berlandaskan “ misi ” dan “ visi “ Islam<sup>109</sup>.

Bagi merialisasikan reformasi tersebut maka al-Farūqi menyarankan supaya penyepaduan dua sistem pendidikan perlulah dilaksanakan. Iaitu dengan menyatukan sistem pendidikan konservatif dengan sistem pendidikan moden<sup>110</sup>. Penyepaduan tersebut mestilah mengambil kira dengan misi Islam. Terutama dalam sudut pengislaman ilmu moden dan al-Farūqi berpendapat kalau perlu reformasi tersebut mestilah mewajibkan Kursus Tamadun Islam untuk dilaksanakan di Institut Pendidikan dan anak didiknya<sup>111</sup>.

#### **(c) Kritikan al-Farūqi terhadap kaedah tradisional.**

Kelemahan yang ketara di dalam kaedah tradisional Islam, di lihat oleh al-Farūqi berpunca dari rasa rendah diri pemimpin Umat Islam akibat penjajahan di negara mereka. Akibat dari rasa tanggung jawab umat terhadap kesucian Islam maka akhirnya mereka mengambil keputusan untuk mempertahankan kesucian tersebut terjerumus ke kancah mentaati secara tegas kepada syariah semata-mata dan menyampingkan perkara lain terutama dalam sudut ijtihad<sup>112</sup>.

<sup>108</sup> *Ibid*, h. 13

<sup>109</sup> *Ibid*

<sup>110</sup> *Ibid*, h. 14

<sup>111</sup> *Ibid*, h. 15-20

<sup>112</sup> *Ibid*, h. 23

Pandangan segelintir umat tentang pintu ijtihad telah tertutup, disifatkan oleh al-Farūqi sebagai penyakit (*Malaise*) yang cukup besar sedang melanda Umat Islam. Tertutupnya pintu ijtihad di sini bermaksud bahawa Umat Islam harus berdiri dengan kaki sendiri, berpandukan kaedah tradisional sahaja. Tanpa perlu berjihad dengan mengambil kaedah moden barat bagi disesuaikan dengan kaedah Islam. Walaupun ada dikalangan mereka yang mendapat pendidikan melalui kaedah tradisional ingin membuat pembaharuan dengan membuka semula pintu ijtihad<sup>113</sup>, tetapi saranan mereka kurang mendapat sambutan daripada khalayak umat disebabkan tebalnya pegangan mereka kepada kaedah tradisional.

Seperkara lagi yang dianggap penting oleh al-Farūqi adalah berkaitan dengan pemahaman mengenai wahyu dan akal. Di mana bagi al-Farūqi, akal dan wahyu adalah suatu pertautan rapat yang saling perlu memerlukan diantara satu sama lain<sup>114</sup>. Meletakkan wahyu tanpa akal atau meletakkan akal tanpa wahyu dilihat oleh al-Farūqi sebagai mengundang penyakit (*malaise*) dikalangan umat. Oleh yang demikian al-Farūqi menyarankan umat supaya jangan menyisihkan akal (pemikiran) dalam sebarang tindakan yang ingin dilakukan<sup>115</sup>.

#### **(d)Prinsip asas kaedah penyelesaiannya menurut persepektif Islam**

---

<sup>113</sup>Antara Ulama tersebut seperti Muhammad Abdul , Jamaluddin al-Afghani dan lain-lain lagi.[ *Ibid* ].

<sup>114</sup>*Ibid* , h. 26

<sup>115</sup>*Ibid* , h. 27-28

Bagi menampung segala kelemahan yang terdapat dalam kaedah tradisional serta pengamalan dualisme dalam pendidikan maka al-Farūqi mencadangkan supaya kaedah tradisional itu di Islamkan dan dualisme itu perlu disepadukan<sup>116</sup>. Walau bagaimanapun segala prinsip, kaedah dan objektif untuk tujuan pengislaman perlulah menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Antara ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut :-

- (i) Menjurus kepada keesaan Allah SWT. Iaitu dengan meletakkan segala proses Pengislaman itu kepada mentauhidkan Allah SWT,<sup>117</sup> serta mendapatkan keredhaanNya. Dalam ertikata lain proses Pengislaman ilmu yang disandarkan kepada Allah SWT yang sedikit sebanyak telah memenuhi tuntutan memertabatkan tauhid Uluhiyyah Allah SWT.
  
- (ii) Menyatukan proses Pengislaman dengan peraturan alam semesta yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Atau dalam pengertian yang lain mengiktiraf Allah SWT sebagai “*Rabb*“ yang mentadbir alam ini. Pengiktirafan ini juga sebagai memenuhi ciri-ciri tauhid Rububiyyah<sup>118</sup>.

Apabila proses pengislaman tersebut meniti di atas landasan fitrah Allah SWT serta kesesuaian dengan perjalanan rutin kehidupan makhluk dimuka bumi, maka akhirnya akan menjurus kepada keinsafan diri manusia terhadap betapa besarnya keagungan Allah SWT. Lantaran itu juga al-Farūqi berpendapat akan lahirlah rasa rendah diri terhadap “Pencipta”nya.

---

<sup>116</sup>*Ibid*, h. 33

<sup>117</sup>*Ibid*, h. 34-35

<sup>118</sup>*Ibid*, h. 36-38

(iii)Pengislaman yang ingin dilakukan mestilah bertautan diantara akal, iman dan panduan wahyu Allah SWT. Ini disebabkan ketiga-tiga komponen tersebut menjadi faktor terhadap lahirnya kebenaran dalam ilmu pengetahuan<sup>119</sup>.

Oleh yang demikian al-Farūqi berpendapat bahawa kebenaran “*al-Haqq*” mestilah disatukan dalam proses pengislaman ilmu pengetahuan. Dan kebenaran itu akan menjelma apabila proses kesatuan tersebut meletakkan wahyu mendahului akal dan segala-galanya .

(iv)Pengislaman yang dilakukan mestilah menjurus kepada menyedarkan manusia terhadap tugas yang telah diamanahkan oleh Allah SWT untuk mentadbir alam ini <sup>120</sup>.Tugas sebagai khalifah Allah SWT semestinyalah dilengkapi dengan kekuatan, ketahanan dan kewarasan akal fikiran yang berteraskan wahyu Ilahi. Kerana al-Farūqi menyifatkan bahawa kesatuan tersebut akan melahirkan sifat-sifat manusiawi yang saling bertolong bantu ke arah memakmurkan bumi Allah SWT<sup>121</sup>.

#### **(e) Perancangan kerja yang perlu dilakukan**

Perancangan kerja bagi melaksanakan proses pengislaman ilmu menjadi kemuncak kepada monograf yang telah disediakan oleh al-Farūqi. Bagi

---

<sup>119</sup>*Ibid*, h. 39-40

<sup>120</sup>*Ibid*, h. 41-44

<sup>121</sup>*Ibid*, h. 46-52

memudahkan mencapai tujuan itu al-Farūqī telah membahagikan perancangan kerjanya kepada dua garis kasar , iaitu :-

- **Meletakkan objektif yang jelas; Melalui laluan proses pengislaman yang ingin dilakukan, al-Farūqī telah menggariskan beberapa objektifnya seperti :-**

(i) Menguasai disiplin ilmu moden

(ii) Menguasai warisan ilmu Islam

(iii) Menentukan kesesuaian Islam di dalam setiap bidang pengetahuan moden

(iv) Melakukan sintesis terhadap warisan Islam dengan ilmu moden

(v) Mengarah aliran pemikiran Islam kepada mencapai pola perancangan Allah SWT<sup>122</sup>.

- **Menyarankan langkah-langkah yang diperlukan dalam proses kerja<sup>123</sup>. Tujuannya adalah semata-mata bagi merealisasikan objektif yang telah digarapkan itu. Oleh yang demikian al-Farūqī telah menggariskan dua belas langkah yang perlu diambil di dalam proses pengislaman ilmu tersebut. Dan ianya juga merupakan perincian kecil kepada objektif yang digariskan iaitu :-**

---

<sup>122</sup> *Ibid*

<sup>123</sup> *Ibid*, h. 58

- (i) **Langkah yang pertama** digariskan oleh al-Farūqī adalah perlunya menguasai dan memahirkkan diri dengan segala disiplin ilmu moden. Penguasaan tersebut, disifatkan oleh al-Farūqī dengan meletakkan disiplin ilmu moden itu kepada pengkelasan ilmu tersebut mengikut tema, prinsip dan kaedahnya sehinggalah menjurus kepada penghuraian istilah yang diguna pakai<sup>124</sup>.
- (ii) **Langkah yang kedua** adalah tugas meninjau disiplin ilmu moden tersebut lalu disimpulkan dengan beberapa catatan penting seperti asal usul serta perkembangan disiplin ilmu moden itu. Langkah ini penting bagi memudahkan pengutipan mutiara intipati ilmu tersebut semasa proses pengislaman dilakukan<sup>125</sup>.
- (iii) **Langkah ketiga** yang diperlu dilakukan ialah menguasai warisan ilmu Islam. Penguasaan ini dilihat perlu oleh al-Farūqī kerana menguasai ilmu teras tersebut akan memudahkan proses pengislaman samada ianya sesuai dilakukan atau pun komponen pengislaman itu sudah sedia ada dalam warisan ilmu Islam itu<sup>126</sup>. Cuma yang agak malang, seperti yang dilontarkan oleh al-Farūqī adalah berkaitan dengan sikap sesetengah para sarjana Islam tradisional yang mahir serta mendalami ilmu warisan tersebut tetapi tidak mampu untuk menghuraikannya dalam bentuk perkembangan ilmu moden, bahkan tidak kreatif untuk menyatu dan menyesuaikan diantara ilmu warisan Islam dengan ilmu-ilmu moden .

<sup>124</sup> *Ibid*, h. 59

<sup>125</sup> *Ibid*

<sup>126</sup> *Ibid*

(iv) **Langkah keempat** adalah proses analisis warisan ilmu Islam setelah menguasainya. Al-Farūqī berpendapat bahawa analisis tersebut seharusnya meniti landasan latar belakang sejarah ilmu tersebut. Seterusnya menggerakkannya mengikut prinsip, tema dan visi Islam <sup>127</sup>.

(v) **Langkah kelima** adalah membuat penentuan untuk menyesuaikan Islam secara khusus di dalam disiplin-disiplin ilmu moden. Penyesuaian yang ingin dilakukan mestilah mengambil kira sumbangan ilmu warisan Islam terhadap pengislaman disiplin ilmu moden. Atau dalam ertikata lain al-Farūqī berpendapat segala prinsip, kaedah, dasar dan tujuan ilmu moden semuanya harus dikaitkan dengan warisan ilmu Islam. Sambil mengambil kira tiga persoalan iaitu:- **Pertamanya** peranan al-Quran terhadap sarjana ilmu moden, **keduanya** bagaimanakah sumbangan ilmu warisan Islam berbanding dengan ilmu moden, **ketiganya** kemanakah peranan umat Islam di dalam usaha pengislaman ilmu moden <sup>128</sup>.

(vi) **Langkah keenam** adalah membuat penilaian kritikal terhadap disiplin ilmu moden dan kedudukan semasanya. Bagi al-Farūqī, penilaian yang perlu dilakukan adalah meliputi data, pengkelasan, teori serta prinsip yang digunakan. Hasil daripada penilaian tersebut akan disaring serta disesuaikan

<sup>127</sup> *Ibid*, h. 61

<sup>128</sup> *Ibid*, h. 63



dengan disiplin Islam. Penilaian itu juga perlu mengambil kira peranan dan sumbangan disiplin tersebut kepada perkembangan masa kini<sup>129</sup>.

(vii) **Langkah ketujuh** adalah berkaitan dengan penilaian kritikal terhadap disiplin ilmu Islam serta perkembangan semasanya. Al-Faruqi berpendapat bahawa segala warisan ilmu Islam merujuk kepada sumber yang agung iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun al-Quran dan al-Sunnah tidak perlu untuk dinilai kebenarannya, cuma yang perlu adalah kefahaman dan huraian kedua sumber tersebut melalui keintelektualan para sarjana Islam. Penilaian tersebut perlu mengambil kira mengenai pengamalan sumber tersebut oleh manusia kini mengikut keperluan mereka serta pengaruh sumber tersebut kepada disiplin ilmu semasa<sup>130</sup>.

(viii) **Langkah kelapan** adalah mengkaji masalah utama umat Islam. Merangkumi masalah ekonomi, sosial dan politik yang melanda umat kini. Dan dilihat oleh al-Faruqi kesemuanya berpunca daripada krisis ilmu. Lantaran itu diantara kajian yang perlu dilakukan adalah bagaimana serta sejauh manakah penguasaan ilmu dapat ditambah oleh umat Islam serta dimanfaatkan kepada kemajuan seluruh cabang kehidupan manusia kini<sup>131</sup>.

---

<sup>129</sup> *Ibid*

<sup>130</sup> *Ibid*, h. 64

<sup>131</sup> *Ibid*

(ix) **Langkah kesembilan** berkaitan dengan kajian permasalahan umat manusia yang bukan hanya terbatas kepada umat Islam sahaja. Oleh kerana agama Islam itu bersifat *universal* maka al-Farūqī berpendapat adalah perlu bagi umat Islam mengkaji bagaimana kebenaran dan keindahan Islam itu dapat dipindahkan ketemadunannya kepada umat manusia sejagat. Lantaran itu, seluruh manusia akan dapat menikmati kemanisan dan keindahan Islam itu terutama di dalam menyelesaikan sebarang permasalahan hidup manusia kini<sup>132</sup>.

(x) **Langkah kesepuluh** adalah kemuncak kepada kesenambungan langkah satu hingga langkah sembilan yang telah dilakukan. langkah kesepuluh kini adalah menganalisis langkah tersebut secara kreatif dan sintesis. Sintesis yang dilakukan adalah berkaitan dengan menyesuaikan diantara warisan Islam dan warisan moden. Seterusnya mengaitkannya dengan kehidupan manusia sejagat serta mencari penawar dan penyelesaian segala masalah yang melanda secara langsung.<sup>133</sup>

(xi) **Langkah kesebelas** menjurus kepada membentuk semula ilmu moden bercirikan tradisi ilmu Islam. Untuk tujuan ini al-Farūqī melontarkan pandangannya supaya para sarjana Islam menyusun buku teks dan mengambil kira kesepaduan diantara kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Walaupun terdapat perbezaan pendapat diantara para sarjana, tetapi itu semuanya tidak menjadi masalah demi mencari pendapat yang terbaik.

---

<sup>132</sup> *Ibid*, h. 65

<sup>133</sup> *Ibid*, h. 66

Tetapi yang perlu diingati ialah proses tersebut semestinyalah meletakkan visi Islam daripada segala-galanya<sup>134</sup>.

(xii) **Langkah kedua belas** ialah tugas mengagihkan karya-karya yang telah di Islamkan. Tugas ini dilihat perlu oleh al-Faruqi bagi mengelakkan kerugian jika tidak dimanfaatkan oleh umat Islam disuatu negara dengan negara yang lain. Perkongsian bijak itu sedikit sebanyak akan dapat dinilai samada langkah-langkah yang telah digarapkan diikuti seterusnya dapat dinilai keberkesanannya. Selain daripada mengagihkan teks, satu lagi yang seharusnya dilakukan ialah mengadakan seminar, persidangan dan bengkel bagi menjelas serta melontarkan idea dan pengalaman di dalam proses pengislaman ilmu tersebut<sup>135</sup>.

#### **(f) Agenda yang telah dilakukan oleh Institut (IIT)**

Peranan "International Institute Of Islamic Thought (IIT)" kepada merealisasikan gagasan pengislaman ilmu adalah terlalu besar sekali. Bagi merangka kerja ini, pihak IIT telah menggariskan agenda yang tersendiri berpandukan konsep, kaedah dan langkah-langkah yang telah digariskan oleh al-Faruqi. Antara kerja yang telah dilakukan oleh IIT ialah mengeluarkan teks dan bahan-bahan ilmiah yang telah di Islamkan dan diedarkan bagi tatapan masyarakat Islam antarabangsa. Disamping itu pihak IIT juga menggalakkan dengan memberi motivasi kepada para sarjana belia Islam bagi meningkatkan

<sup>134</sup> *Ibid*, h. 67

<sup>135</sup> *Ibid*, h. 69

taraf keintelektualan serta menjadi harapan sebagai barisan pelapis. Oleh yang demikian menjadi kewajipan ke atas pihak berkuasa di negara Islam untuk memberikan pembiayaan biasiswa bagi tujuan itu<sup>136</sup>.

#### **(g)Penjelasan penting mengenai gagasan Pengislaman Ilmu**


Sesungguhnya sesuatu yang penting untuk diperjelaskan oleh al-Farūqi di dalam monografinya adalah mengenai perlunya usaha yang bersungguh-sungguh dalam merialisasikan proses pengislaman yang menyeluruh dalam semua bidang kehidupan manusia. Pertembungan diantara proses pembaratan atau pemodenan dengan proses pengislaman telah menyebabkan umat Islam berkewajipan untuk mengagakkan keagungan Islam melalui proses pengislaman bagi membuktikan kebenaran, keadilan, perubahan dan pembaharuan yang sudah lama diperintahkan Allah SWT melalui wahyuNya. Proses Pengislaman yang sepatutnya diberi keutamaan daripada proses pengislaman yang berbagai bidang kehidupan adalah proses pengislaman ilmu pengetahuan. Lantaran itu umat Islam perlu memberikan keutamaan tersebut disamping mengikuti kaedah dan visi yang telah ditetapkan<sup>137</sup>.

<sup>136</sup> *Ibid* h. 59-79

<sup>137</sup> *Ibid*

## GAMBARAJAH I


*Rangka Islamisasi Ilmu Pengetahuan (al-Farūqī)*



Sumber : Dr. Louay Safi (1988), *Asas-asas Ilmu Pengetahuan*, (Terj.), Kuala Lumpur : Thinker's Library Sdn. Bhd. & IIIT, hal. 9

## GAMBARAJAH 2


*Hubung Jalin Rangka Islamisasi Ilmu Pengetahuan (al-Farūqī)*



Sumber : Dr. Louay Safi(1998), *Ibid*, h. 11

### GAMBARAJAH 3

#### *Rancangan al-Faruqi Bagi Pengislaman Ilmu*



Sumber : Ziaudin Sardar ( 1990), *Masa Hadapan Islam Bentuk Idea Yang Akan Datang*, (Terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, h. 105